

NO SOALAN :18**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN****DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN SHAMSUL ISKANDAR @ YUSRE
BIN MOHD AKIN
(BUKIT KATIL)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 31.07.2017

Y.B. TUAN SHAMSUL ISKANDAR @ YUSRE BIN MOHD AKIN [BUKIT KATIL] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan janji Kerajaan untuk menurunkan cukai pendapatan selepas pelaksanaan GST secara berperingkat. Apakah Kerajaan tidak prihatin dengan nasib rakyat yang berpendapatan sederhana tinggi .

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

- 1) Untuk makluman Yang Berhormat, berikutan dengan pelaksanaan GST pada 1 April 2015, Kerajaan dalam Bajet 2015 telah

mengumumkan beberapa langkah penurunan kadar cukai pendapatan individu, korporat dan koperasi yang bertujuan untuk mengurangkan beban rakyat seperti berikut:

- i) Mulai tahun taksiran 2015, kadar cukai pendapatan individu telah dikurangkan satu hingga tiga mata peratus. Melalui langkah ini, seramai 300 ribu orang yang sebelumnya membayar cukai pendapatan tidak lagi perlu membayar. Manakala, golongan berkeluarga yang berpendapatan empat ribu ringgit sebulan tidak lagi mempunyai tanggungan cukai;
- ii) Cukai pendapatan individu juga telah distruktur semula di mana pendapatan bercukai pada kadar maksimum dinaikkan daripada melebihi 100 ribu ringgit kepada melebihi 400 ribu ringgit. Kadar cukai maksimum 26 peratus pula, telah dikurangkan kepada 24 peratus, 24.5 peratus dan 25 peratus. Justeru, pembayar cukai dapat menikmati penjimatan bayaran cukai sekurang-kurangnya sebanyak 5.3 peratus;
- iii) Kadar cukai pendapatan koperasi juga dikurangkan satu hingga dua mata peratus;
- iv) Bagi tahun taksiran 2016, kadar cukai pendapatan syarikat dikurangkan satu mata peratus daripada 25 peratus kepada 24 peratus; dan
- v) Bagi tahun taksiran 2016, kadar cukai pendapatan syarikat

kecil dan sederhana dikurangkan satu mata peratus daripada 20 peratus kepada 19 peratus dan terus dikurangkan kepada 18 peratus bagi tahun taksiran 2017.

2) Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa membuat kajian dari semasa ke semasa ke atas pengenaan cukai pendapatan berdasarkan kepada persekitaran ekonomi negara secara keseluruhan. Kerajaan berpandangan layanan cukai pendapatan individu semasa adalah memadai buat masa ini. Dalam tempoh lima tahun ke belakang, Kerajaan juga telah menaikkan had beberapa pelepasan cukai individu dan memperkenalkan pelepasan cukai baharu bagi mengurangkan beban tanggungan rakyat serta meningkatkan pendapatan boleh guna rakyat. Pada masa ini terdapat 19 jenis pelepasan cukai yang telah disediakan yang boleh dinikmati berdasarkan tanggungan dan perbelanjaan pembayar cukai.